

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 12 NOVEMBER 2013 (SELASA)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1	KM Melaka akhiri lawatan ke Albania	Berita Harian
2	Bincang wujudkan Bandaraya Berkembar	Utusan Malaysia
3	Gempa Bumi Sederhana Landa Bahagian Utara Laut Maluku	Bernamea.com
4	Pusat Biotek TPM Perlis kembang 75 peratus 2014	Berita Harian
5	TPM Perlis mahu perluas operasi tahun depan	Kosmo
6	Technology must create, not kill jobs	New Straits Times

## KM Melaka akhiri lawatan ke Albania

**Tirana (Albania):** Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Idris Haron, mengakhiri lawatan kerja empat hari ke Albania dan turut mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri republik itu, Edi Rama, petang semalam.

Kedua-dua pemimpin itu meluangkan masa berbincang mengenai pelbagai isu, termasuk aspek pengwujudan bandar berkembar Berat di Albania dan Bandaraya Melaka yang kini memasuki fasa kedua.

Idris turut mengadakan pertemuan singkat dengan Speaker Parlimen Albania, Ilir Meta, sebelum berlepas ke London.

Ketua Menteri Melaka itu dijadual menjadi tetamu kehormat majlis penyampaian anugerah The Green World Ambassador di bangunan Parlimen Britain lewat petang ini.

Anugerah berprestij itu diberi kepada Melaka berikutan kejayaan memulihara dan mengindahkan Sungai Melaka.

Sebaik tiba di London, Idris yang juga Presiden Perhimpunan Belia Sedunia (WAY), akan mempengerusikan Mesyuarat Majlis Eksekutif WAY yang turut dihadiri pemimpin negara anggotanya.



Edi Rama **mengucapkan selamat jalan kepada Idris** sambil diperhatikan **Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah** (dua dari kiri) dan EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar Melaka, **Datuk Ar Ismail Othman** (tiga dari kiri) di Hotel Sheraton, Tirana, petang, semalam.

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 13**  
**TARIKH: 12 NOVEMBER 2013 (SELASA)**



**EDI Rama (kanan) mengucapkan selamat jalan kepada Idris Haron sambil diperhatikan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohd. Diah (dua dari kiri) dan Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar Melaka, Datuk Ar. Ismail Othman (tiga dari kiri) di Hotel Sheraton, Tirana, kelmarin.**

## Bincang wujudkan Bandaraya Berkembar

TIRANA (Albania) 11 Nov. - Usaha mewujudkan Bandaraya Berkembar antara Bandaraya Bersejarah Melaka dan Bandar Berat kini memasuki fasa kedua perbincangan.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Ir. Idris Haron berkata, pihak berkuasa tempatan kedua-dua bandar raya itu sedang mengenal pasti terma-terma rujukan ke arah merealisasikan perkara itu.

"Perbincangan kini memasuki fasa kedua dan mencari persefahaman," katanya yang mengakhiri lawatan kerja empat hari di negara ini, petang semalam.

Perdana Menteri Albania, Edi Rama turut meluangkan masa bertemu dengan Ketua Menteri Melaka di lobi Hotel Sheraton untuk mengucapkan selamat jalan.

Pertemuan dengan Perdana Menteri itu disusuli perjumpaan ringkas bersama Speaker Parlimen Albania, Ilir Meta.

Sementara itu, Idris akan menjadi tetamu kehormat majlis penyampaian Anugerah The Green World Ambassador di Bangunan Parlimen British, lewat petang ini.

Anugerah berprestij itu diberi kepada Melaka di atas kejayaan memulihara dan mengindahkan Sungai Melaka.

Di London, beliau yang juga Presiden Perhimpunan Belia Sedunia (WAY) akan mempengerusikan Mesyuarat Majlis Eksekutif WAY yang dihadiri para pemimpin negara-negara anggota pertubuhan belia antarabangsa berkenaan.

BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM  
TARIKH: 12 NOVEMBER 2013 (SELASA)



## Gempa Bumi Sederhana Landa Bahagian Utara Laut Maluku

KUALA LUMPUR, 11 Nov (Bernama) -- Satu gempa bumi sederhana berukuran 4.9 pada skala Richter melanda bahagian utara Laut Maluku di Indonesia pada 10 malam ini.

Menurut kenyataan [Jabatan Meteorologi](#), pusat gempa terletak 160 kilometer di barat laut Ternate, Indonesia dan 938 kilometer di tenggara Semporna, Sabah.

Bagaimanapun, gempa itu tidak mendatangkan ancaman tsunami.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR  
BERITA HARIAN (BISNES): MUKA SURAT B4  
TARIKH: 12 NOVEMBER 2013 (SELASA)

## Pusat Biotek TPM Perlis kembang 75 peratus 2014

**Technology** Park Corporation Sdn Bhd (TPM) menyasar saiz pengeluaran anak syarikatnya, Pusat Biotek TPM Perlis yang mula beroperasi akhir tahun lalu, akan berkembang kepada 75 peratus menjelang awal tahun depan.

Pengerusi TPM, Datuk Nasarudin Hashim, berkata keyakinan itu berdasarkan permintaan yang semakin meningkat dalam kalangan usahawan untuk menggunakan perkhidmatan di Pusat Biotek TPM di Sungai Batu Pahat, Perlis.

### FAKTA NOMBOR

185  
orang

usahawan baru  
dijangka dapat  
dilahirkan TPM  
menjelang 2015

bernilai RM21 juta itu telah membantu 15 syarikat dan usahawan bio di wilayah utara termasuk Perlis dalam bidang pembangunan produk baru dan kontrak pembuatan.

"Kami yakin minat yang ditunjukkan syarikat dan usahawan bio untuk menggunakan kemudahan di Pusat Biotek TPM Perlis akan turut membantu penjana ekonomi negeri," katanya di Kangar, semalam.

Ketika menyampaikan taklimat mengenai pembangunan pusat itu kepada Menteri Besar Perlis, Azlan Man yang melakukan lawatan ke pusat itu semalam, beliau berkata pusat itu kini beroperasi pada kapasiti 50 peratus daripada keupayaan sebenarnya.

Antara Januari dan September lalu, pusat

### Bangunkan 21 produk makanan

Beliau berkata, sejak beroperasi akhir tahun lalu, pusat itu membangunkan 21 produk makanan dan produk berasaskan buah-buahan dengan 15 daripada produk itu telah dikomersialkan.

"Dengan pengembangan sektor bioteknologi global yang masih belum dimanfaatkan sepenuhnya, kami yakin dapat mencapai sasaran untuk membangun dan membantu usahawan peringkat akar umbi di wilayah utara," katanya.

Nasarudin berkata, menerusi pusat itu, beliau yakin pengeluaran kontrak dan perkhidmatan pengkomersialan pusat yang telah mendapati anugerah status Amalan Pengilangan Baik (GMP) daripada Biro Pengawasan Farmaseutikal Kesihatan Kebangsaan itu akan berkembang antara 15 dan 30 peratus setahun.

Beliau berkata, menjelang 2015, pusat itu dijangka menyediakan perkhidmatan pembuatan kontrak kepada 50 usahawan bioteknologi selain mengkomersialkan serta memasarkan dalam 210 produk buah-buahan dan produk berasaskan herba.

Menjelang tempoh yang sama, TPM juga yakin dapat membangunkan 185 usahawan baru dan menyediakan 555 peluang pekerjaan menerusi Pusat Biotek TPM Perlis itu.

# TPM Perlis mahu perluas operasi tahun depan

Oleh FAIZAL NAZARUDDIN  
faizal.nazaruddin@kosmo.com.my

**KANGAR** - Technology Park Malaysia Corporation (TPM) Sdn. Bhd. menjangkakan peningkatan kapasiti pengeluaran bagi Pusat Biotek TPM Perlis antara 10 hingga 15 peratus mulai tahun depan berdasarkan permintaan yang semakin meningkat sejak dilancarkan pada tahun lalu.

Peningkatan tersebut berikutan pembabitan usahawan bioteknologi di wilayah utara seperti Kedah, Pulau Pinang dan Perak yang mahu menggunakan kemudahan yang terdapat di pusat yang bernilai RM21 juta itu.

Pengerusi TPM, Datuk Nasarudin Hashim berkata, sejajar dengan itu, kapasiti pengeluaran pusat tersebut bakal mengalami peningkatan sehingga 75 peratus berbanding sebelum ini hanya pada kadar 50 peratus.

"Bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun ini, Pusat Biotek telah membantu kira-kira 15 syarikat dan usahawan bioteknologi di Perlis dan wilayah utara dalam bidang pembangunan produk



**AZLAN** (dua dari kanan) melihat mesin yang digunakan untuk memproses herba ketika mengadakan lawatan di Pusat TPM, Sungai Batu Pahat, Kangar semalam.

baharu dan kontrak pembelian.

"Ia melibatkan pembangunan 21 produk makanan dan produk berasaskan buah-buahan daripada 15 syarikat yang baru tahun pertama memulakan operasi mereka," katanya.

Beliau berkata demikian pada taklimat sempena lawatan Menteri Besar Perlis, Azlan Man di Pusat Biotek TPM Perlis di Sungai Batu Pahat di sini semalam.

Nasarudin yakin Pusat Biotek TPM itu mampu mencapai

peningkatan kadar penggunaan kemudahan di situ ekoran trend operasi usahawan bioteknologi di wilayah terbabit sekali gus menjana pertumbuhan ekonomi negeri.

"Menjelang tahun 2015, pusat ini dijangka dapat menyediakan perkhidmatan pembuatan kontrak kepada 50 usahawan bioteknologi," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut menyasarkan untuk mengkomersialkan dan memasarkan lebih 210 produk buah-buahan dan produk berasaskan herba, membangunkan 185 usahawan baharu dan menyediakan sebanyak 555 peluang pekerjaan.

Nasarudin berkata, Pusat Biotek TPM Perlis juga turut menyediakan perkhidmatan profesional dan kepakaran kepada usahawan bioteknologi terutama perusahaan kecil dan sederhana dalam membangunkan serta menambah nilai kepada produk keluaran mereka.

Ujar beliau, pusat itu turut berhasrat untuk menjadi pemangkin kepada pengeluaran makanan nutrasetikal atau makanan tambahan yang baik untuk kesihatan.

KERATAN AKHBAR  
NEW STRAITS TIMES (LETTERS): MUKA SURAT 19  
TARIKH: 12 NOVEMBER 2013 (SELASA)

INNOVATION

# Technology must create, not kill jobs

**T**HE world seems to be excited by innovations and new technologies. Practically every leader and academician is expounding the importance of innovation as the key strategy to competitiveness and progress.

Who is not impressed by the efficiency and convenience provided by the Internet, iPhone, iPad, and robotics? We are also awed by the giddy monetary values of Amazon, Apple, Google and Facebook.

It is not surprising that every young man and woman dreams of becoming billionaires before they are 30 through innovation. For one

or two out of the seven billion people on this planet, such a dream (with hard work) can come true.

One of my concerns about innovation being put at the top of the national agenda is whether it will create, or take away, jobs.

Do we have a policy and strategy to ensure that substantial investments into innovation will create jobs? This does not mean we should put a damper on innovation that contributes to efficiency, which would normally reduce workers and increase profits for a few.

Prof Clayton Christensen of Harvard University defined innova-

tions as "empowering", "sustaining" and "efficient".

Alan Hall of *Forbes* summarised empowering innovations as those that transform expensive products into affordable ones for the masses, and those that create new jobs.

Sustaining innovations replace old products with newer models.

Efficiency innovations, the most common in our economy, reduce the number of jobs.

According to academician Prof Shlomo Maital, many of the new innovators are Internet-related companies that create massive wealth, but very few jobs.

Facebook employs 2,000 people,

Twitter about 300 and eBay about 17,000.

However, Sheryl Sandberg, chief operating officer of Facebook, said at the World Economic Forum in Davos last year: "Facebook is barely 7 years old and has 3,000 employees, and it has created more than 450,000 jobs in Europe and the United States."

It would be useful to know if the 45,000 jobs were new or existing ones, rendered more efficiently.

What is obvious, according to Tyler Cowen's *The Great Stagnation*, is that the "current era's technological breakthroughs generate great gains for society, but very

little added economic activity".

From socioeconomic perspectives, Malaysian political and technological leaders must give deeper thought to the policies and strategies in our programmes to invest in the kinds of innovations that will have significant positive impact on the nation.

This includes creating new jobs for our youth, improving their welfare and protecting the environment.

I hope this issue will be discussed at the ongoing [World Innovation Forum in Kuala Lumpur](#).

**A. Mustafa Babjee**, Kuala Lumpur